



PERUTUSAN

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA SAMBUTAN HARI AHLI GEOLOGI SEDUNIA 2024

7 APRIL 2024

Assalamualaikum, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani

Rakan Ahli Geologi serta rakan-rakan dari pelbagai bidang yang dihormati sekalian,

1. Hari Ahli Geologi Sedunia adalah hari yang amat bermakna bagi seluruh ahli geologi. Ia merupakan suatu sambutan bagi mengiktiraf dan meraikan peranan ahli geologi, geofizik, geokimia serta pelbagai lagi ahli dalam bidang geosains yang telah menyumbang kepada tamadun dunia dan perkembangan negara kita.
2. Profesion sebagai ahli geologi atau ahli berkaitan sains bumi telah sekian lama menjadi tulang belakang dan pemacu utama dalam pembangunan sesebuah negara. Sebenarnya begitu banyak peranan ahli geologi yang mungkin kita tidak tahu. Mereka adalah pakar yang menjadi pencetus kepada industri berasaskan mineral dan geosains negara serta terlibat dalam agenda pembangunan fizikal negara.

PERANAN AHLI GEOLOGI

3. Di negara kita, seawal tahun 1900-an lagi, ahli geologi telah mula menyumbang kepada pembangunan negara melalui eksplorasi terhadap sumber bijih timah di Lembah Sungai Kelang.

4. Selain daripada penerokaan dan pengeluaran sumber mineral, minyak dan gas, ahli geologi negara telah memainkan peranan yang penting dalam pembinaan infrastruktur, pembangunan bekalan air bersih, pengurangan risiko bencana geologi, kejuruteraan alam sekitar, adaptasi perubahan iklim, geopemuliharaan, geopelancongan, pendidikan dan komunikasi.

5. Ahli geologi juga mengkaji struktur dan lapisan-lapisan bumi bagi menentukan kewujudan sumber minyak dan gas di dasar lautan yang menjana limpahan hasil kepada rakyat sehingga ke kajian terhadap kejadian gempa bumi yang melibatkan kerak lautan dan kepingan-kepingan benua.

6. Pada masa kini, peranan ahli geologi telah banyak menjurus kepada geosains gunaan (*applied geoscience*). Sumbangan ahli geologi telah berkembang sesuai dengan era globalisasi dan kerencaman geopolitik, kepantasan teknologi digital, perubahan iklim serta peralihan ke tenaga boleh baharu (*renewable energy*) telah menjadi cabaran terkini buat ahli geologi.

7. Penemuan sumber kekayaan baharu negara iaitu *Non-Radioactive Rare Earth Element* (NR-REE) dengan jumlah yang signifikan serta pengiktirafan geopark negara ke peringkat antarabangsa sebagai UNESCO Global Geopark juga adalah hasil dari sumbangan, kajian dan inisiatif ahli-ahli geologi negara. Anda memang insan yang hebat!

PERANAN KERAJAAN DAN KEMENTERIAN

8. Sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu 'Geologi: Menjana Ekonomi, Meraikan Warisan Demi Kesejahteraan Rakyat', NRES telah melancarkan program-program pembangunan yang berorientasikan rakyat berasaskan bidang geologi.
9. Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2023, Pelan Pelaksanaan Geopark Negara, SOP Perlombongan NR-REE, sistem amaran tanah runtuh berkaitan bencana geologi dan keputusan-keputusan Majlis Mineral Negara Ke-2 adalah antara aspirasi NRES yang telah dicapai.
10. Manakala penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara (PBGN), Pelan Pengurusan Bencana Geologi Negara, projek perintis NR-REE di Labis, aspirasi bagi menambah bilangan geopark kebangsaan dan UNESCO *Geopark* sedia ada serta *green mining* adalah antara agenda kini di NRES.

LAGM MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN AHLI GEOLOGI

11. Lembaga Ahli Geologi Malaysia (LAGM) yang ditubuhkan pada tahun 2015 adalah suatu institusi yang berada di bawah tadbir urus Menteri NRES bagi mengawal selia amalan geologi di samping meningkatkan taraf profesionalisma profesion ini.

12. Baru-baru ini, NRES telah melancarkan Pelan Strategik Lembaga Ahli Geologi Malaysia 2023-2040 sebagai suatu usaha bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan ahli geologi selaras dengan keperluan dan cabaran mutakhir.

13. Pelan Strategik LAGM 2023-2040 ini merupakan dokumen holistik yang memperincikan perancangan strategik LAGM merangkumi hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan dalam usaha menangani keperluan semasa dan mendepani cabaran masa hadapan serta memenuhi kehendak pemegang taruh dan pelanggan.

14. Sehingga kini, LAGM telah mempunyai 3,023 ahli geologi yang berdaftar. NRES berharap bilangan ini akan terus bertambah, selaras dengan peningkatan permintaan perkhidmatan geologi profesional dan perkembangan industri geosains negara.

15. Majlis Mineral Negara Ke-2 yang diadakan pada 8 Mei 2023 memutuskan bahawa syarat kelayakan penyediaan dan perakuan laporan carigali dan penjelajahan mineral hanya dibenarkan kepada Ahli Geologi Profesional Berdaftar, Ahli Geologi Asing Berdaftar, Pengamal Berdaftar atau Jurutera dengan Perakuan Amalan.

16. Keputusan ini turut diperakui oleh YAB Perdana Menteri yang mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-80 yang telah diadakan pada 12 September 2023.

17. Malaysia adalah antara negara yang mana ahli geologinya bertaraf profesional. Namun pada masa yang sama, tidak banyak negara yang mengiktiraf ahli geologi sebagai satu bidang ikhtisas atau profesional. Antara negara yang mengiktiraf ahli geologi sebagai profesional melalui akta parlimen mereka ialah Amerika Syarikat, Kanada, Itali, Sepanyol, Jepun dan Taiwan.

PENUTUP

18. Akhir kata, kepada seluruh ahli geologi di Malaysia, teruskan berusaha sedaya-upaya untuk mencapai aspirasi dan agenda nasional demi negara kita yang tercinta. Semoga rakan-rakan ahli geologi di Malaysia terus menyumbang kepada pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat dengan pandangan yang lebih holistik.

19. Kepada rakan-rakan ahli geologi, **Selamat Menyambut Hari Ahli Geologi Sedunia 2024.**